

01/06/1997

Apabila politik itu merugikan

ALKISAHNYA, maka Kelantan pun terlepaslah peluang mendaratkan gas daripada sumber luar pantai. Semuanya gara-gara pertelagahan politik yang tidak berkesudahan di negeri itu.

Pertikaian politik itu memaksa gas dari kawasan Pihak Berkuasa Pembangunan Bersama (JDA) Malaysia-Thailand dihantar ke Thailand. Kesannya Kelantan terus terpinggir daripada nikmat pembangunan ekonomi berdasarkan pembangunan gas.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Berhad, Datuk Hassan Harun, dalam satu seminar kata hampir semua negeri di Semenanjung disalurkan gas, kecuali Kelantan.

Ini memanglah menyedihkan. Gas adalah bahan api atau pembakar yang paling murah dan bersih untuk kegunaan industri yang akan meningkatkan daya saing industri.

Bukan soal gas saja yang jadi masalah. Projek petrokimia usaha sama KUB dan Keloil, anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, untuk memajukan sebuah kompleks petrokimia di Kelantan, juga terheret dalam kancah politik.

Perjanjian projek usaha sama 50/50 itu ditandatangani di Kota Bharu 4 April lalu dan disaksikan bersama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Jika semua peluang sekarang terlepas, Kelantan tidak akan dapat bangunkan industri gas kerana segala-galanya akan disalurkan ke Kertih atau Songkhla. Kalau begitu keadaannya sesal sebesar gunung pun tiada gunanya. Apa kata orang Kelantan?

(END)